

30/03/2003

Pengamal perhubungan awam perlu telus

KUCHING: Pengamal perhubungan awam perlu mengutamakan ketelusan apabila mereka bekerjasama dengan media massa, kata Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad.

Beliau menegaskan, media bukan semata-mata digunakan sebagai alat penyebaran idea, manakala editor dilatih untuk mengenal pasti cerita sebenar atau sejauh mana kebenaran itu apabila melihatnya.

"Oleh itu, amalan perhubungan awam yang bertanggungjawab seharusnya memberi perhatian kepada ketelusan apabila bekerjasama dengan media," katanya ketika menyampaikan uapctama `Perhubungan Awam: Peranannya dalam pembinaan negara dan pengurusan krisis' pada satu seminar di sini, semalam.

Abdullah berkata, perhubungan awam sebagai satu seni dan juga sains dalam membentuk tanggapan umum akan terus menjadi kaedah penting dalam pengurusan krisis dan pembinaan bangsa.

Katanya, sebagai alat penting dalam memupuk keharmonian nasional dan perpaduan sosial, perhubungan awam memerlukan mesej lebih moden yang dihasilkan oleh mutu pengeluaran lebih baik. Zaman iklan televisyen memaparkan nyanyian dan slogan mudah sudah berlalu.

Beliau berkata, bencana perhubungan awam selalunya disebabkan oleh matlamat yang bercanggah.

"Cara pengendalian isu wabak Japanese Encephalitis (JE) dan beberapa episod jerebu beberapa tahun lalu adalah antara contoh terburuk, kerana pihak berkuasa berdepan dengan konflik antara keinginan untuk memberitahu kepada orang ramai dan keperluan membendung kebimbangan awam," katanya.

Abdullah berkata, perhubungan awam juga sama pentingnya dalam pengurusan krisis dengan syarat ia mempamerkan ketelusan. Beliau memberikan contoh kejadian tumpahan minyak Exxon Valdez di Prince William Sound, Alaska pada 1989.

Daripada melihat media sebagai rakan dalam komunikasi, Exxon Mobile menaruh syak wasangka terhadap akhbar. Keengganan syarikat itu mengumumkan cara menangani kejadian berkenaan selama lebih seminggu selepas ia berlaku, menyebabkan media dan pendapat umum menentanginya.

"Apabila jurucakap syarikat membuat kenyataan mengenai keupayaan Exxon Mobile mengendalikan tumpahan minyak, mereka hanya menunjukkan percanggahan dengan laporan media dan saksi di tempat kejadian mengenai betapa teruknya insiden itu.

"Kira-kira 14 tahun selepas itu, kes tumpahan minyak itu dan cara Exxon Mobile menanganinya masih dijadikan rujukan mengenai contoh bencana perhubungan awam," katanya.

Beliau turut memberikan contoh kejadian membabitkan KL Monorail pada Ogos tahun lalu apabila roda keselamatan tren monorel seberat 60 kilogram jatuh menimpa seorang wartawan.

Katanya, strategi segera pengusaha tren itu, KL Monorel System Sdn Bhd ekoran kejadian itu ialah berdiam diri sehingga mengundang tindak balas negatif dan meningkatkan minat media.

"Dalam keadaan begini, ketelusan dan kesanggupan untuk muncul dengan fakta adalah cara terbaik. Malah, selepas mengadakan pertemuan dengan beberapa editor, syarikat itu mematuhi nasihat mereka dan membenarkan wartawan ke loji pemasangan supaya kebimbangan orang ramai mengenai keselamatan tren monorel boleh dijelaskan.

"Ini adalah cerita kejayaan perhubungan awam yang menunjukkan betapa

perlunya mereka bekerjasama rapat dengan media supaya mesej yang betul dan benar boleh disampaikan," katanya.

Abdullah juga berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah lama dikenali sebagai seseorang yang mengamalkan perhubungan awam terbaik dan Perdana Menteri amat bijak memainkan peranannya.

Beliau berkata, selain mempromosikan aset Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan pelaburan, kedudukan Dr Mahathir selaku jurucakap tidak rasmi bagi negara membangun turut menggilap imej Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, usaha perhubungan awam negara tidak boleh dilakukan oleh seorang saja, dan Malaysia kerap menjadi mangsa tersalah anggap dengan kes terbaru kononnya ia menjadi pusat keganasan.

"Apabila kerajaan menahan beberapa anggota Kumpulan Militan Malaysia pada 2001, kesahihan tindakan itu tidak dihargai sepenuhnya oleh pihak tertentu sehingga selepas peristiwa 11 September tahun yang sama.

"Ini adalah satu contoh yang kurang menyenangkan mengenai bagaimana kita gagal menangani perhubungan awam dengan rakyat kita sendiri," katanya.